

**Cadangan Kepada**

**Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen**  
**Berhubung Dengan**  
**Penambahbaikan Proses Pilihanraya**

**Daripada**  
**Parti Sosialis Malaysia (PSM)**  
**Cawangan Bayan Baru**



**15 Disember 2011**

Pilihanraya yang bebas, bersih dan adil adalah salah satu komponen yang penting dalam masyarakat demokratik. Demokrasi di Malaysia hanya dapat berkembang dengan sihat dan memajukan masyarakat kita dengan adanya insititusi demokrasi yang berlunaskan prinsip kebebasan, keadilan, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

PSM Bayan Baru menuntut supaya 8 tuntutan utama yang dibawa oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0) dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Pilihanraya Umum ke-13 diadakan.

## **8 tuntutan ini adalah :**

### **1. Bersihkan senarai undi**

- Senarai pengundi harus dibersihkan dengan segera untuk menyingkirkan 'pengundi hantu' seperti orang yang telah meninggal dunia dan orang yang mengundi lebih daripada sekali dalam sesuatu pilihanraya.
- **Pendaftaran pengundi secara automatik** yang diselarikan dengan senarai Jabatan Pendaftaran Negara boleh menyelesaikan masalah pengundi hantu dalam jangka masa panjang.

### **2. Mereformasikan undi pos**

- Semua pengundi seharusnya dibenarkan untuk mengundi melalui undi pos atau mengundi lebih awal sekiranya seseorang individu itu tidak dapat berada di kawasan pengundian semasa hari mengundi.
- Anggota polis dan tentera yang tidak bertugas harus mengundi seperti biasa pada hari mengundi.
- Undi pos mesti dijalankan dengan telus! Agen parti politik harus dibenarkan untuk memantau proses undi pos.

### **3. Gunakan dakwat kekal**

- Penggunaan dakwat kekal boleh mengelakkan seseorang (atau pengundi hantu) daripada mengundi beberapa kali.

### **4. Masa kempen minima 21 hari**

- Masa yang lebih panjang diperlukan untuk calon menyebarkan maklumat, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- Pada 1955, ketika era pemerintahan penjajah, pilihanraya mempunyai masa kempen sepanjang 42 hari. Manakala semasa Pilihanraya Umum ke-11 pada 2004, masa kempen 8 hari sahaja.

### **5. Akses media yang bebas dan adil**

- RTM dan Bernama adalah agensi media yang dibiayai oleh kerajaan. Mereka sepatutnya memberi liputan yang seimbang dan adil untuk semua parti yang bertanding.
- Parti politik harus dibenarkan untuk membuat pengiklanan tanpa sebarang diskriminasi dan penapisan.
- Ini adalah mengenai keadilan! Semua media perlu memberikan hak untuk semua parti membalas kepada tuduhan-tuduhan negatif terhadap mereka.

### **6. Kukuhkan institusi awam**

- Institusi awam dan kakitangan kerajaan harus bersikap adil dan tidak berat sebelah. Mereka perlu menegakkan undang-undang dan demokrasi.
- Institusi awam harus direformasikan supaya bertindak secara bebas, menegakkan undang-undang dan melindungi hak asasi manusia.  
Contohnya :
  - Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hendaklah memastikan pilihanraya yang bebas dan adil.
  - Badan Kehakiman harus memelihara kebebasannya dan menegakkan kedaulatan undang-undang tanpa gentar atau memihak.
  - Peguam Negara perlu bertindak secara tidak berat sebelah dan mengutamakan kepentingan rakyat.
  - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia harus bertindak dengan adil dan menghentikan pendakwaan selektif dan penyalahgunaan kuasa.
  - Polis Di Raja Malaysia perlu bertindak secara profesional dalam melaksanakan tugas dan menegakkan kedaulatan undang-undang.

#### **7. Hentikan rasuah**

- Rasuah adalah kegiatan mencuri dari rakyat untuk kepentingan peribadi. Rasuah menyebabkan orang kaya bertambah kaya dan golongan miskin semakin miskin.
- Pembelian undi harus dihentikan!
- Hentikan amalan menyogok pengundi seperti “You help me, I help you!”
- Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 mesti dikuatkuasakan.

#### **8. Hentikan politik kotor**

- SEMUA parti politik perlu menghentikan politik kotor.

Di samping itu, kami juga ingin mengemukakan beberapa lagi cadangan berikut untuk menambahbaikan proses pilihanraya demi memperkukuhkan institusi demokrasi di Malaysia.

#### **9. Kurangkan umur mengundi ke 18 tahun**

- Seorang anak muda yang berumur 18 tahun sudah pun mempunyai fikiran yang matang, kalau tidak ini hanya menunjukkan kegagalan sistem pendidikan negara kita dalam melahirkan seorang warganegara yang berkesedaran sivik dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

#### **10. Persempadanan Semula Kawasan Mengundi Mengikut “Prinsip Seorang Satu Undi”**

- Pembahagian Kawasan Parlimen dan DUN pada masa sekarang yang memakai kaedah ‘Gerrymandering’ telah mewujudkan satu keadaan yang tidak adil dari segi kerusi yang dimenangi oleh suatu parti tidak mencerminkan peratusan undi yang diperolehnya.
- Pada masa sekarang, jumlah pengundi untuk satu kawasan Parlimen adalah dalam lingkungan 5000 orang pengundi sehingga 100,000 orang pengundi. Perbezaannya sampai 95%. Begitu juga dengan kawasan DUN.
- Misalnya, di Sarawak, kawasan DUN N10 Pending mempunyai pengundi seramai 29,488 orang pengundi manakala DUN N70 Ba’ Kelalan hanya mempunyai 6,958 orang pengundi. Perbezaannya sampai 4 kali ganda. Maknanya satu undi untuk Ba’ Kelalan bersamaan dengan 4 undi pengundi di Pending.

- Kami berpendapat bahawa pengundi di kawasan pedalaman memang patut diberikan pemberat yang lebih berbanding pengundi di kawasan bandar dari segi undi memandangkan mereka merupakan golongan yang biasanya dipinggirkan, tetapi perbezaan kuasa undi sebanyak 4 kali ganda adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.
- Kami mencadangkan supaya undang-undang dipinda supaya perbezaan jumlah pengundi untuk kawasan Parlimen dan DUN perlu dihadkan dalam lingkungan tambah-tolak 20%. Ini adalah bersesuai dengan prinsip seorang satu undi.

#### 11. Kerajaan Penjaga (*Caretaker Government*) semasa Pilihanraya

- Selepas Parlimen dan DUN dibubarkan sehingga kerajaan baru dibentuk selepas pilihanraya, kerajaan dalam tempoh tersebut hanyalah kerajaan penjaga (*caretaker government*) yang memastikan operasi harian jabatan-jabatan kerajaan berjalan seperti biasa.
- Oleh itu, kerajaan penjaga/ sementara semasa tempoh pilihanraya **TIDAK boleh membuat pengumuman dasar ataupun peruntukan** yang boleh dianggap sebagai tindakan merayu undi ataupun menyogok pengundi.
- Semua jentera kerajaan semasa tempoh pilihanraya tidak boleh sama sekali digunakan untuk tujuan penerangan dasar-dasar kerajaan, memberi wang/faedah, menjalankan program yang tidak dirancang sebelum ini (seperti konsert, kenduri makan dan sebagainya) kerana kerajaan baru belum lagi dibentuk.

#### 12. Deklarasi Harta Calon

- Semua calon yang bertanding dikehendaki untuk mengumumkan harta dalam milikan mereka supaya para pengundi dapat mengenalpasti sama ada calon tersebut adalah seorang yang beramanah, bersih dan bertanggungjawab.
- Pengundi juga dapat memantau status pemilikan harta calon tersebut sekiranya menang untuk memastikan wakil rakyat yang dipilih tidak melakukan penyelewengan,

#### 13. Perkenalkan Sistem Perwakilan Mengikut Agihan Undi (*Proportional Representation*)

- Sistem Perwakilan Mengikut Agihan Undi ataupun Perwakilan Berkadar (*Proportional Representation*) adalah sistem pengundian di mana pengagihan kerusi Parlimen adalah berdasarkan kepada pengagihan undi yang diperolehi oleh setiap parti yang bertanding. Misalnya, jika Parti A menang 30% undi keseluruhan pilihanraya, Parti A sepatutnya akan mendapat 30% kerusi.
- Sekarang ini pilihanraya di Malaysia masih memakai sistem pengundian majoriti mudah (*simple majority*) ataupun *first-past-the-post*.
- Sistem Perwakilan Berkadar akan **memastikan setiap undi adalah bernilai dan bermakna** kepada pengundi.
- Ini juga satu cara untuk memastikan jumlah perwakilan dalam Parlimen dan DUN mencerminkan perolehan undi oleh sesuatu parti dalam pilihanraya.
- Beberapa pilihan boleh dikaji untuk melaksanakan sistem sebegini:
  - Sebahagian kerusi di Dewan Rakyat dipertandingkan mengikut Perwakilan Mengikut Agihan Undi dengan mewujudkan sebilangan kerusi Dewan Rakyat yang baru dan mengekalkan kerusi Dewan Rakyat yang sedia ada yang dipilih dengan cara pengundian majoriti mudah.


ATAU

- Semua kerusi di Dewan Negara dipertandingkan mengikut Perwakilan Mengikut Agihan Undi  
ATAU
- Sebagian daripada kerusi di Dewan Negara dipertandingkan mengikut Perwakilan Mengikut Agihan Undi manakala mengekalkan kerusi-kerusi yang dipilih oleh DUN Negeri masing-masing.
- Satu model yang boleh dikaji dan dicontohi adalah “**Perwakilan Berkadar Ahli-Campuran**” (*Mixed member proportional representation, MMP*) yang diamalkan oleh negara Jerman pada masa kini. Di negara Jerman pada masa kini, 299 orang ahli parlimen (*Bundestag*) dipilih melalui pengundian majoriti mudah (*first-past-the-post*) dalam kawasan pilihanraya (*single-member constituency*) manakala 299 orang lagi ahli parlimen dipilih melalui pengundian perwakilan mengikut agihan undi yang diperolehi. Dalam kes pilihanraya *Bundestag* di Jerman, seorang pengundi akan membuang dua undi untuk parlimen: satu undi untuk calon yang bertanding di kawasannya dan satu undi lagi untuk parti politik (di mana kerusi yang akan diperolehi oleh parti berkenaan adalah berdasarkan peratusan undi yang dimenangkannya dalam undi kedua tersebut).
- Selain Jerman, MMP juga diamalkan di Venezuela, Bolivia (untuk Dewan Rakyat), New Zeland dan Scotland.

Kami berharap Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihanraya dapat meneliti semua cadangan kami demi memajukan sistem demokrasi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

  
Choo Chon Kai  
Pengerusi Cawangan  
Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru